



قوسٲ كبحساٲن اٲي-كرا؁ان

E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE

**GARISPANDU PEROLEHAN PERALATAN-PERALATAN IT SECARA PUSAT KEDUA
(IT CENTRAL PROCUREMENT II)
BAGI
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN**

KANDUNGAN

Bil	PERKARA	Muka Surat
1.	PENDAHULUAN	3
2.	TUJUAN	3
3.	KEBENARAN LEMBAGA TAWARAN NEGARA	3
4.	KONTRAK INDUK	4
5.	TATACARA PEROLEHAN PERALATAN IT	6
6.	SYARAT PEROLEHAN PERALATAN KOMPUTER SECARA LANGSUNG	8
7.	SYARAT PEROLEHAN PERALATAN KOMPUTER SECARA PAJAK SEWA	8
8.	SYARAT PEROLEHAN PERALATAN PAJAK SEWA JANGKA PENDEK TIDAK MELEBIHI DARI TIGA (3) BULAN	12
9.	PEMBEKALAN KERTAS DAN TONER ATAU KARTRIJ MESIN PENCETAK	12
10.	PENYEDIAAN PURCHASE ORDER (PO)	13
11.	PEMBAYARAN	20
12.	PENERIMAAN PERALATAN-PERALATAN IT	20
13.	ACTIVE DIRECTORY (AD) JOIN DOMAIN	21
14.	PEMASANGAN DAN UJIAN KE ATAS PERALATAN IT	22
15.	ACCEPTANCE CERTIFICATE	22
16.	LESEN PERISIAN	22
17.	ADUAN KEROSAKAN	24
18.	LABELLING PERALATAN	24
19.	LAIN-LAIN HAL	24

LAMPIRAN 1 - Carta Aliran Bagi Tatacara Perolehan Peralatan IT

LAMPIRAN 2 - *Acceptance Certificate*

LAMPIRAN 3 - '*Acceptance Test*' Borang Penerimaan/Pengembalian Komputer

LAMPIRAN 4 - *Response Time* dan *Total Down Time*

LAMPIRAN 5 - Contoh Inbois

1 PENDAHULUAN

- 1.1 Kontrak induk Perolehan Peralatan-Peralatan IT Secara Pusat (*IT Central Procurement II*) adalah merupakan satu perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan beberapa buah syarikat swasta bagi pembekalan peralatan-peralatan IT secara pajak sewa (*leasing*) dan pembelian secara langsung (*outright purchase*).
- 1.2 Kontrak induk ini membolehkan Kementerian/Jabatan mendapatkan pembekalan peralatan-peralatan IT yang tertentu dengan kadar harga yang tetap di sepanjang tempoh kontrak induk. Tempahan bolehlah dibuat terus kepada syarikat pembekal yang dilantik tanpa melalui proses sebutharga ataupun tawaran.

2 TUJUAN

- 2.1 Tujuan utama penyediaan kontrak induk *IT Central Procurement II* ialah untuk:
- i. Memberkesankan pengurusan dan mempercepatkan proses perolehan peralatan-peralatan IT Kementerian/Jabatan tanpa penyediaan proses tawaran/sebutharga.
 - ii. Menyelaraskan tatacara perolehan peralatan-peralatan IT di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.
 - iii. Menyelaraskan penggunaan jenis dan sistem peralatan-peralatan IT Kerajaan.
 - iv. Membolehkan Kementerian/Jabatan mendapatkan pembekalan peralatan-peralatan IT yang tertentu dengan kadar harga yang tetap disepanjang tempoh kontrak induk tersebut.

3 KEBENARAN LEMBAGA TAWARAN NEGARA

- 3.1 Kontrak induk ini telah diberi kebenaran melalui surat kebenaran Lembaga Tawaran Negara seperti berikut:

Bil.	Kategori pembekalan	Rujukan	Tarikh
1.	Pembelian secara langsung	LTN/6/39/2013/2014 [10]	11hb Feb 2014
2.	Pajak sewa tiga (3) tahun	LTN/6/49/2013/2014 [10]	12hb Apr 2014
3.	Pajak sewa lima (5) tahun		
4.	Pajak sewa jangka pendek tidak melebihi dari tiga (3) bulan	LTN/6/49/2013/2014 [8]	12hb Apr 2014

4. KONTRAK INDUK

4.1 Perolehan peralatan-peralatan IT yang termasuk di dalam kontrak induk *IT Central Procurement II* adalah melalui:

4.1.1 **Pembelian secara langsung** (*outright purchase*) iaitu bagi peralatan-peralatan berikut:

- i. 22-inci Monitor;
- ii. 24-inci Monitor
- iii. A4 Inkjet Multi-Function Printer, dan
- iv. A4 Monochrome Laser Printer.

4.1.1.1 Tempoh kontrak bagi membekalkan peralatan-peralatan IT yang diperoleh secara langsung adalah selama **tiga (3) tahun** bermula dari **19hb Jun 2014** hingga **18hb Jun 2017**.

4.1.1.2 Tempoh jaminan (*warranty*) bagi peralatan-peralatan yang diperolehi melalui kaedah ini adalah selama **satu (1) tahun** daripada tarikh peralatan berkenaan diterima oleh Kementerian/Jabatan.

4.1.1.3 Perolehan peralatan mesin pencetak (*printer*) dibekalkan dengan toner/ kartrij, satu (1) set tambahan toner / kartrij dan satu (1) kotak iaitu lima (5) rim kertas A4. Keperluan tambahan bolehlah diperolehi melalui sebutharga.

4.1.1.4 Senarai syarikat yang dilantik dan harga bagi peralatan-peralatan IT dalam kategori pembelian secara langsung adalah seperti berikut:

Peralatan	Syarikat Pembekal	Harga Seunit (B\$)
22-inch Monitor	Elite Computer Systems Sdn Bhd	\$193.00
24-inch Monitor	Znet Technologies	\$254.00
A4 Inkjet Multi-Function Printer	Unitek Company	\$553.00
A4 Monochrome Laser Printer	Unitek Company	\$373.00

4.1.2 **Pajak sewa** (*leasing*) **tiga (3) tahun** iaitu bagi peralatan-peralatan berikut:

- i. 12-inci Executive Ultrabook;
- ii. 14-inci Executive Ultrabook;
- iii. Standard Notebook;
- iv. Desktop PC;
- v. Workstation – (Base Pack)
- vi. Workstation – (Extended Pack)

4.1.2.1 Kontrak bagi membekalkan peralatan-peralatan IT yang dipajak sewa adalah untuk tempoh **tiga (3) tahun** bermula dari tarikh penandatanganan kontrak induk iaitu mulai **19hb Jun 2014 sehingga 18hb Jun 2017**.

4.1.2.2 Senarai syarikat yang dilantik dan harga pajak sewa adalah seperti berikut:

Peralatan	Syarikat Pembekal	Harga/Unit/Bulan
12 " Executive Ultrabook	DST Network Sdn Bhd	\$71.00
14 " Executive Ultrabook	Znet Technologies	\$89.00
Standard Notebook	Syarikat Unitek	\$39.00
Desktop PC		\$32.50
Workstation - (Base Pack)	DST Network Sdn Bhd	\$83.00
Workstation -(Extended Pack)		\$85.00

4.1.3 **Pajak sewa (*leasing*) lima (5) tahun** iaitu bagi *A3 Monochrome Laser Printer* .

4.1.3.1 Kontrak bagi membekalkan peralatan IT yang dipajak sewa adalah untuk tempoh **lima (5) tahun** bermula dari tarikh penandatanganan kontrak induk iaitu mulai **19hb Jun 2014 sehingga 18hb Jun 2019**.

4.1.3.2 Perolehan peralatan mesin pencetak (printer) dibekalkan dengan tiga (3) sets toner/kartrij setiap tahun dan satu (1) kotak iaitu lima (5) rim Kertas A3 berserta setiap peralatan bagi tempoh pajak sewa selama lima (5) tahun. Keperluan tambahan bolehlah diperolehi melalui sebutharga.

4.1.3.3 Senarai syarikat yang dilantik dan harga pajak sewa adalah seperti berikut:

Peralatan	Syarikat Pembekal	Harga /Unit/Bulan
A3 Monochrome Laser Printer	Syarikat Unitek	\$113.00

4.1.4 **Pajak sewa jangka pendek (*short-term leasing*) tidak melebihi dari tiga (3) bulan** bagi peralatan- peralatan berikut:

- i. 22-inci Monitor,
- ii. 24-inci Monitor,
- iii. A4 Monochrome Laser Printer,
- iv. 12" Executive Ultrabook,
- v. 14" Executive Ultrabook,
- vi. Standard Notebook,
- vii. A3 Monochrome Laser Printer, dan
- viii. A3 Multi-Function Laser Printer.

- 4.1.4.1 Pajak sewa jangka pendek bagi mesin pencetak (*printer*) yang tidak melebihi tiga (3) bulan dibekalkan dengan perkara berikut semasa penghantaran sahaja:

Jenis Printer	Pembekalan Kertas	Pembekalan Toner/ Kartrij
A3	Dua (2) rim Kertas A3, dan Satu (1) rim Kertas A4	Satu (1) set
A4	Dua (2) rim Kertas A4	

Keperluan tambahan bolehlah diperolehi melalui sebutharga oleh Kementerian/Jabatan masing-masing.

- 4.1.4.2 Senarai syarikat yang dilantik dan harga peralatan-peralatan IT adalah seperti berikut:

Peralatan	Syarikat Pembekal	Harga /Unit (B\$)		
		Harian	Mingguan	Bulanan
22-inch monitor	ITIS Wescot Technology Sdn Bhd	\$2.00	\$10.00	\$22.00
24-inch monitor		\$3.00	\$15.00	\$30.00
A4 Monochrome Laser Printer		\$5.00	\$10.00	\$35.00
12 " Executive Ultrabook		\$5.00	\$25.00	\$90.00
14 " Executive Ultrabook		\$6.00	\$26.00	\$102.00
Standard Notebook		\$4.00	\$20.00	\$78.00
A3 Monochrome Laser Printer		\$15.00	\$60.00	\$238.00
A3 Multi-Function Laser Printer		\$30.00	\$110.00	\$440.00

5. TATACARA PEROLEHAN PERALATAN IT

- 5.1 Tatakara perolehan peralatan-peralatan IT yang terkandung dalam kontrak induk *IT Central Procurement II* adalah seperti berikut: (**Rujuk Lampiran 1** bagi Carta Aliran bagi Tatakara Perolehan Peralatan IT).

5.1.1 Peruntukan

- 5.1.1.1 Kementerian/Jabatan hendaklah menggunakan peruntukan tahunan (berulang- ulang) masing-masing bagi membiayai pembekalan peralatan-peralatan IT berkenaan.
- 5.1.1.2 Perancangan dan pembiayaan bagi pembekalan peralatan-peralatan IT tersebut adalah di bawah kawalan Kementerian/Jabatan masing-masing. Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peruntukan adalah mencukupi **setiap tahun** bagi membuat pembayaran peralatan-peralatan IT tersebut.

5.1.2 Proses Perolehan Peralatan IT

- 5.1.2.1 Sediakan senarai peralatan IT yang diperlukan termasuk senarai nama, emel dan lokasi Kementerian/Jabatan. Ini adalah bagi tujuan proses *Active Directory (AD) Join Domain*. **(Rujuk para 13 - *Active Directory (AD) Join Domain*)**
- 5.1.2.2 *Purchase Order (PO)* dikeluarkan dan hadapkan kepada syarikat pembekal yang dilantik. Pastikan PO mengandungi nama pegawai dan nombor telefon yang senang dihubungi untuk memudahkan syarikat pembekal membuat jadual penghantaran. **(Rujuk para 10 - *Penyediaan Purchase Order (PO)*).**
- 5.1.2.3 Setelah PO yang lengkap diterima, syarikat pembekal yang dilantik akan membekalkan peralatan IT kepada Kementerian/Jabatan.
- Pengguna/Pusat Teknologi Maklumat (PTM) setiap Kementerian menerima peralatan tersebut pada masa penghantaran yang telah dipersetujui /ditetapkan bersama syarikat pembekal.
- 5.1.2.4 Pengguna/PTM hendaklah melaksanakan pemasangan dan ujian (*Acceptance Test*) dan seterusnya menandatangani Borang Penerimaan/Pengembalian Peralatan ITCP II (Borang *Acceptance Test*) setelah selesai.
- 5.1.2.5 Sebelum peralatan komputer yang dipajak sewa berkenaan diagihkan kepada pengguna, PTM hendaklah memastikan bahawa peralatan tersebut telah didaftarkan ke *Active Directory (AD) Domain*.
- 5.1.2.6 Syarikat pembekal hendaklah menghadapkan inbois dan dokumen-dokumen yang perlu kepada Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 5.1.2.7 Pengguna/PTM mengesahkan inbois sebaik sahaja ianya di terima.
- 5.1.2.8 Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing mengeluarkan baucer pembayaran untuk pembayaran.
- 5.1.2.9 Pengguna/PTM memastikan pembayaran di buat dari masa kesemasa dan memastikan tunggakan di bayar.
- **Pembayaran hendaklah dibuat tidak lebih dari tiga puluh (30) hari daripada tarikh inbois diterima dari syarikat pembekal.**

5.1.3 Tempoh Pajak Sewa

- 5.1.3.1 Tempoh pajak sewa bermula dari tarikh Pesanan Penghantaran (*Delivery Order*) ditandatangani.

6 SYARAT PEROLEHAN BAGI PERALATAN PEMBELIAN SECARA LANGSUNG

6.1 Hak Milik Dan Penggunaan

- 6.1.1 Peralatan-peralatan yang dibekalkan secara pembelian langsung adalah hak milik Kementerian/Jabatan tersebut.
- 6.1.2 Kementerian/Jabatan adalah disarankan untuk membuat daftar peralatan (inventori) dengan teratur.
- 6.1.3 Pengguna hendaklah menggunakan peralatan tersebut dengan cermat dan tidak melakukan sebarang pengubahsuaian kepada peralatan berkenaan melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.

6.2 Tempoh Jaminan

- 6.2.1 Tempoh jaminan bagi peralatan-peralatan yang dibekalkan secara pembelian langsung adalah selama satu (1) tahun bermula daripada tarikh *Acceptance Certificate* ditandatangani oleh Kementerian/Jabatan.
- 6.2.2 Jika peralatan didapati rosak semasa tempoh jaminan (kerosakan yang bukan diakibatkan oleh pengguna) dan tidak dapat diperbaiki lagi, syarikat pembekal akan menggantikan peralatan yang rosak dengan peralatan lain yang mempunyai spesifikasi yang sama atau lebih tinggi.
- 6.2.3 Jika peralatan berkenaan mengalami kerosakan dan masa untuk memperbaikinya melebihi daripada tempoh yang ditetapkan (**rujuk Lampiran 4**) ataupun peralatan tersebut dibawa balik ke tempat syarikat pembekal, maka syarikat pembekal dikehendaki untuk menyediakan peralatan lain sebagai pinjaman sehingga peralatan yang asal siap diperbaiki dan dipasang semula di tempat pengguna.
- 6.2.4 Kementerian/Jabatan tidak perlu membuat sebarang pembayaran bagi proses penggantian/peminjaman peralatan tersebut.
- 6.2.5 Tempoh jaminan akan ditangguhkan sehingga peralatan yang rosak siap diperbaiki atau peralatan lain sebagai penggantian tetap telah diberikan kepada pengguna.

7. SYARAT PEROLEHAN PERALATAN SECARA PAJAK SEWA

7.1 Hak Milik Dan Penggunaan

- 7.1.1 Peralatan IT yang dibekalkan secara pajak sewa adalah hak milik syarikat pembekal.
- 7.1.2 Pengguna hendaklah menggunakan peralatan-peralatan yang dipajak sewa dengan cermat dan tidak melakukan sebarang pengubahsuaian melainkan setelah mendapat kebenaran daripada syarikat pembekal terlebih dahulu.
- 7.1.3 Pengguna tidak dibenarkan untuk membuat pemasangan perisian tanpa kebenaran syarikat pembekal dan Ketua Jabatan masing-masing. Ini adalah untuk mengelakkan peralatan tersebut dari dicemari oleh:
 - i. *Software virus* - sejenis program yang boleh merebak ke komputer lain dengan sendirinya dan merosakkan fail dan program lain di dalam komputer tersebut;
 - ii. *Trojan* - sejenis *malware* yang kelihatan berfaedah kepada pengguna tetapi

sebenarnya mengandungi virus atau program yang membolehkan sistem komputer tersebut dicerobohi; atau

- iii. *Malware - malicious software* iaitu program yang direka untuk mencero boh atau merosakkan sistem komputer tanpa pengetahuan pengguna yang boleh menjejaskan prestasi peralatan komputer berkenaan.

Selain itu, ianya juga bertujuan bagi mengelakkan *security breach* kepada sistem-sistem dan rangkaian Kerajaan.

- 7.1.4 Pengguna adalah tidak dibenarkan untuk memindah peralatan komputer yang dipajak sewa dari satu Jabatan ke satu **Jabatan yang lain** tanpa mendapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing dan memaklumkan syarikat pembekal terlebih dahulu.

Pengguna adalah dibenarkan untuk memindah peralatan komputer yang dipajak sewa ke lokasi di dalam **Jabatan yang sama** dan hendaklah memaklumkan syarikat pembekal mengenai pemindahan tersebut.

7.2 Pembatalan Pajak Sewa

- 7.2.1 Kementerian/Jabatan boleh membatalkan pajak sewa peralatan IT dengan memaklumkan sekurang-kurangnya satu (1) bulan notis secara bertulis kepada syarikat pembekal dengan menyatakan sebab-sebab yang kukuh. Kementerian/Jabatan hendaklah membayar kepada syarikat pembekal jumlah sewa yang tertunggak sehingga tarikh pajak sewa tersebut dibatalkan.

Syarikat pembekal hendaklah mengaturkan pengambilan peralatan tersebut dengan segera setelah pembatalan pajak sewa tersebut dibuat.

7.3 Pengembalian Peralatan

- 7.3.1 Peralatan komputer yang dipajak sewa akan diambil semula oleh syarikat pembekal apabila tempoh pajak sewa mansuh melainkan Kementerian/Jabatan memilih untuk membeli peralatan komputer berkenaan.
- 7.3.2 Pengguna hendaklah memastikan bahawa peralatan komputer yang dikembalikan tidak mempunyai kerosakan kecuali *normal wear and tear*.
- 7.3.3 Segala kos dan keperluan pengangkutan bagi urusan pengambilan balik peralatan komputer tersebut akan diuruskan dan ditanggung oleh syarikat pembekal.
- 7.3.4 Borang Pengembalian komputer perlu diisikan dan disenarai semak sebelum peralatan di kembalikan kepada syarikat pembekal. (**Rujuk Lampiran 3**)

7.4 Penyediaan Tempat

- 7.4.1 Kementerian/Jabatan bertanggungjawab menyediakan tempat yang bersesuaian bagi kerja-kerja pemasangan dan *configuration* semasa penerimaan peralatan komputer.
- 7.4.2 Kementerian/Jabatan boleh meminta nasihat dan kerjasama dari syarikat pembekal dalam penyediaan tempat yang bersesuaian bagi kerja-kerja pemeliharaan peralatan komputer.

7.5 Penghapusan data dan penyimpanan hard disk

- 7.5.1 Dalam tempoh pajak sewa, Kementerian/Jabatan berhak **menyimpan atau membuat *secure erasure* terhadap *hard disk*** di dalam peralatan komputer tersebut sebelum ianya diambil dari lokasi pengguna bagi tujuan pembaikan atau penggantian, jika ianya perlu bagi tujuan keselamatan. *Secure erasure* boleh melibatkan penghapusan secara fizikal terhadap *hard disk* tersebut.
- 7.5.2 Jika Kementerian/Jabatan berhasrat untuk menyimpan harddisk atau terdapat kerosakan pada *hard disk* peralatan komputer berkenaan disebabkan oleh pelaksanaan *secure erasure* tersebut, Kementerian/Jabatan tidak perlu membuat pembayaran ganti rugi bagi *hard disk* berkenaan kepada syarikat pembekal.
- 7.5.3 Kementerian/Jabatan yang tidak berhasrat untuk menyimpan harddisk berkenaan disarankan untuk membuat penghapusan data (*secure erasure*) sebelum ianya dikembalikan kepada syarikat pembekal.
- 7.5.4 Bagi pajak sewa jangka pendek tidak melebihi dari tiga (3) bulan, jika Kementerian/Jabatan berhasrat untuk menyimpan *harddisk*, syarikat pembekal akan memberi sebutharga kepada Kementerian/Jabatan mengenai harga harddisk tersebut.

7.6 Kehilangan peralatan IT yang dipajak sewa

- 7.6.1 Kementerian/Jabatan hendaklah melaporkan kehilangan peralatan IT dengan segera kepada pihak polis.
- 7.6.2 Makluman kehilangan peralatan IT dan salinan **laporan** polis hendaklah dihadapkan kepada syarikat pembekal.
- 7.6.3 Kementerian/Jabatan bertanggungjawab membuat pembayaran ganti rugi kepada syarikat pembekal bagi peralatan komputer yang hilang mengikut harga pasaran atau harga terbaik yang ditawarkan oleh syarikat pembekal, mana yang lebih rendah.
- 7.6.4 Pajak sewa peralatan tersebut akan dihentikan sebaik sahaja pembayaran ganti rugi bagi peralatan IT yang hilang dibuat.
- 7.6.5 Syarikat pembekal tidak akan memberi penggantian bagi peralatan komputer yang hilang.

7.7 Kerosakan Peralatan IT Yang Dipajak Sewa

- 7.7.1 Kementerian/Jabatan hendaklah melaporkan aduan kerosakan peralatan IT dengan segera kepada syarikat pembekal jika peralatan IT mengalami kerosakan.
- 7.7.2 Kementerian/Jabatan bertanggungjawab membuat pembayaran ganti rugi kepada syarikat pembekal bagi peralatan IT yang rosak, mengikut harga pasaran atau harga terbaik yang ditawarkan oleh syarikat pembekal, mana yang lebih rendah.
- 7.7.3 Syarikat pembekal akan memberi penggantian bagi peralatan IT yang rosak.

7.8 Membawa/Menggunakan Peralatan Komputer di Luar Negeri

- 7.8.1 Kementerian/Jabatan adalah bertanggungjawab ke atas peralatan komputer yang dibawa atau digunakan di luar negeri.

- 7.8.2 Jika berlaku kehilangan/kecurian, Kementerian/Jabatan hendaklah mendapatkan laporan polis. **(Rujuk para 7.6 - Kehilangan peralatan IT yang dipajak sewa)**
- 7.8.3 Peralatan komputer yang rosak hendaklah dikembalikan kepada syarikat pembekal. **(Rujuk para 7.9.4 - Penggantian dan Peminjaman)**
- 7.8.4 Kementerian/Jabatan perlu membuat tempahan baru bagi penggantian peralatan yang hilang.
- 7.8.5 Segala kos dan keperluan pengangkutan bagi urusan pengambilan balik peralatan komputer tersebut akan diuruskan dan ditanggung oleh Kementerian/Jabatan.

7.9 Penggantian dan Peminjaman

- 7.9.1 Peralatan IT yang dipajak sewa yang didapati rosak dan tidak lagi dapat diperbaiki akan digantikan oleh syarikat pembekal dengan peralatan lain yang mempunyai spesifikasi yang sama atau lebih baik.
- 7.9.2 Peralatan IT yang mengalami kerosakan dan mengambil masa melebihi daripada masa yang ditetapkan untuk memperbaikinya ataupun peralatan tersebut dibawa balik ke tempat syarikat pembekal, syarikat pembekal dikehendaki untuk menyediakan peralatan lain sebagai pinjaman sehingga peralatan asal siap diperbaiki dan dipasang semula di tempat pengguna.
- 7.9.3 Kementerian/Jabatan tidak perlu membuat sebarang pembayaran bagi proses penggantian dan peminjaman peralatan IT tersebut.
- 7.9.4 Bagi peralatan yang digunakan di luar negeri, syarikat pembekal akan menyediakan dan membekalkan peralatan baru sebagai **ganti** bagi peralatan yang rosak. Sehubungan itu, pengguna dikehendaki untuk membuat penghapusan data (*secure erasure*) terlebih dahulu sebelum mengembalikkan peralatan yang rosak tersebut kepada syarikat pembekal.

7.10 Pembelian Peralatan Yang Dipajak Sewa

- 7.10.1 Kementerian/Jabatan boleh membeli peralatan IT yang dipajak sewa apabila tempoh pajak sewa mansuh dengan harga yang ditetapkan iaitu satu (1) % dari harga pajak sewa seperti berikut :

Bagi Peralatan Pajak Sewa tiga (3) dan lima (5) tahun :

Bil	Jenis Peralatan	Harga / Unit
1	12 " Executive Ultrabook	\$25.56
2	14 " Executive Ultrabook	\$32.04
3	Standard Notebook	\$14.04
4	Desktop PC	\$11.70
5	Workstation - (Base Pack)	\$29.88
6	Workstation -(Extended Pack)	\$30.60
7	A3 Monochrome Laser Printer	\$67.80

Bagi Peralatan Pajak Sewa Jangka Pendek tidak melebihi dari tiga (3) bulan :

Bil	Jenis Peralatan	Harga / Unit
1	22 " Monitor	\$7.92
2	24 " Monitor	\$10.80
3	A4 Mono Laser Printer	\$12.60
4	12 " Executive Ultrabook	\$32.40
5	14 " Executive Ultrabook	\$36.72
6	Standard Notebook	\$28.08
7	A3 Monochrome Laser Printer	\$85.68
8	A3 Colour Multi-Function Laser Printer	\$158.40

- 7.10.2 Kementerian/Jabatan hendaklah memaklumkan syarikat pembekal secara bertulis tentang permohonan bagi pembelian tersebut sekurang-kurangnya dua (2) bulan sebelum tamat tempoh pajak sewa bagi peralatan IT tersebut.
- 7.10.3 Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh inbois diterima dari syarikat pembekal.
- 7.10.4 Hak milik bagi peralatan IT yang dibeli akan bertukar kepada hak milik Kementerian/Jabatan tersebut.
- 7.10.5 Kementerian/Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan bagi pemeliharaan peralatan IT berkenaan adalah mencukupi.

8. SYARAT PEROLEHAN PERALATAN PAJAK SEWA JANGKA PENDEK TIDAK MELEBIHI DARI TIGA (3) BULAN

- 8.1 Kementerian/Jabatan disarankan untuk membuat tempahan sekurang-kurangnya dua (2) **bulan** lebih awal. Ini adalah bagi membolehkan syarikat pembekal membuat tempahan (*pre-order*) sebelum tarikh diperlukan. (**Rujuk para 7 - Syarat Perolehan Peralatan Secara Pajak Sewa**)
- 8.2 Lesen perisian MS Office 2013 dibekalkan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan manakala anti-virus adalah dibawah tanggungjawab syarikat pembekal.
- 8.3 Jika terjadi pembatalan bagi tempahan ini melalui kategori ini, Kementerian /Jabatan perlu maklumkan kepada syarikat pembekal dengan seberapa segera dan bertanggungjawab mengendalikannya.

9 PEMBEKALAN KERTAS DAN TONER ATAU KARTRIJ MESIN PENCETAK (PRINTER)

- 9.1 Setiap mesin pencetak (*printer*) yang dibeli melalui kontrak ini dibekalkan seperti berikut :

Kategori Printer	Tempoh Jaminan	Toner/Kartrij	Pembekalan Kertas
Pembelian langsung (<i>outright purchase</i>)	Satu (1) tahun	i. Satu (1) set toner / kartrij; dan ii. satu (1) set tambahan toner/ kartrij	Satu (1) kotak iaitu lima (5) rim kertas A4 (Sekali penghantaran sahaja)

Kategori Printer	Tempoh Jaminan	Toner/Kartrij	Pembekalan Kertas
Pajak sewa lima (5) tahun	Lima (5) tahun	Tiga (3) sets toner / kartrij setiap tahun	Satu(1) kotak iaitu lima (5) rim kertas A3 setiap tahun
Pajak sewa tidak melebihi dari tiga (3) bulan	Sepanjang tempoh pajak sewa	Satu (1) set toner / kartrij sahaja	Bagi printer A3:- i. satu (1) rim kertas A3; dan ii. dua (2) rim kertas A4; Bagi printer A4, dua (2) rim kertas A4 (Sekali penghantaran sahaja)

9.2 Keperluan tambahan bagi toner/kartrij/kertas bolehlah diperolehi melalui sebutharga di Kementerian/Jabatan masing-masing.

9.3 Syarikat pembekal tidak akan bertanggungjawab terhadap pembelian toner atau kartrij yang tidak asli/tulen jika terdapat masalah dalam pemasangannya.

10 PENYEDIAAN PURCHASE ORDER (PO)

10.1 Rujukan perolehan Kementerian/Jabatan seperti **EGNC/CP/2014.001** hendaklah dilengkapkan pada ruang **Quotation No.**

10.2 Ruang **Item/Description** adalah bagi keterangan dan jenis peralatan yang di tempah seperti **Standard Notebook – HP Zbook 14 Mobile WS.**

10.3 Ruang **Acct / Dept ID / Oper Unit** adalah bagi keterangan peruntukan yang digunakan untuk membiayai pembekalan tersebut seperti:

Account	B00701 - PEMELIHARAAN SISTEM KOMPUTER
Dept ID	102300
Operating Unit	SA23A024

10.4 Jumlah peralatan yang ditempah hendaklah dilengkapkan di ruang **Quantity UOM** semasa penyediaan PO.

Nota : Kementerian/Jabatan disarankan untuk memperoleh lebih kurang lima puluh unit (kuantiti maximum = 50 unit) dalam satu PO bagi memudahkan proses penghantaran dan penerimaan peralatan berkenaan.

10.5 Ruang **Due Date** hendaklah dilengkapkan dengan tarikh akhir peralatan tersebut dijangka dihantar oleh pihak Syarikat iaitu tidak melebihi :

10.5.1 lima (5) minggu bagi pembelian secara langsung dan pajak sewa tiga (3)/ lima (5) tahun.

10.5.2 dua (2) minggu bagi pajak sewa jangka pendek tidak melebihi tiga bulan.

10.6 Ruang **Unit Price** hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

10.6.1 Pembelian Secara Langsung

Kadar harga bagi satu (1) unit peralatan tersebut. (Rujuk Para 4.1.1.4)

Contoh:

Jika Kementerian / Jabatan hendak menempah A4 Multi-Function Inkjet Printer, ruang *Unit Price* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 553.00

10.6.2 Pajak Sewa Tiga (3) / Lima (5) tahun

Kadar pajak sewa satu (1) unit peralatan tersebut dalam tempoh satu tahun kewangan.

Contoh:

Pada 17 Julai 2014, Kementerian/Jabatan menyediakan PO bagi menempah / memperoleh *Standard Notebook – HP Zbook 14 Mobile WS* secara pajak sewa. Sehubungan itu, ruang *Unit Price* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 234.00

Unit Price

$$= \text{Monthly Lease Charge} \times \text{No. Of Month (August 2014 – February 2015)}$$

$$= \$ 39.00 \times 6 \text{ months}$$

$$= \$ 234.00$$

10.6.3 Pajak Sewa Jangka Pendek tidak melebihi tiga (3) bulan

Kadar pajak sewa satu (1) unit peralatan tersebut dalam tempoh satu tahun kewangan.

Contoh:

Pada 2 September 2014, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan menyediakan PO bagi menempah / memperoleh 5 unit *Standard Notebook* secara pajak sewa selama 35 hari. Sehubungan itu, ruang *Unit Price* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 98.00

Unit Price

$$= (\text{Monthly Lease Charge} \times \text{No. Of Month}) + (\text{Daily lease Charge} \times \text{No. Of Days})$$

$$= (\$ 78.00 \times 1 \text{ month}) + (\$ 4.00 \times 5 \text{ days})$$

$$= \$ 78.00 + \$ 20.00$$

$$= \$ 98.00$$

Contoh:

Pada 2 Oktober 2014, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan menyediakan PO bagi menempah / memperoleh 1 unit *A4 Monochrome Laser Printer* secara pajak sewa selama 9 hari. Sehubungan itu, ruang *Unit Price* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 20.00

Unit Price

$$= (\text{Monthly Lease Charge} \times \text{No. Of Week}) + (\text{Daily lease Charge} \times \text{No. Of Days})$$

$$= (\$ 10.00 \times 1 \text{ week}) + (\$ 5.00 \times 2 \text{ days})$$

$$= \$ 10.00 + \$ 10.00$$

$$= \$ 20.00$$

10.7 Ruang **Amount** hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

10.7.1 Pembelian Secara Langsung

Jumlah harga keseluruhan bagi pembekalan tersebut.

Contoh:

Jika Kementerian/Jabatan hendak menempah 5 unit A4 Multi-Function Inkjet Printer, ruang *Amount* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 2,765.00

$$\begin{aligned}
 & \text{Amount} \\
 & = \text{Quantity UOM} \times \text{Unit Price} \\
 & = 5 \times \$ 553.00 \\
 & = \$ 2,765.00
 \end{aligned}$$

10.7.2 Pajak Sewa Tiga (3)/ Lima(5) tahun

Jumlah harga keseluruhan bagi pajak sewa peralatan tersebut pada tahun kewangan.

Contoh:

Pada 17 Julai 2014, Kementerian/Jabatan menyediakan PO bagi menempah/ memperoleh 5 unit *Standard Notebook – HP Zbook 14 Mobile WS* secara pajak sewa. Sehubungan itu, ruang *Amount* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 1,170.00

$$\begin{aligned}
 & \text{Amount} \\
 & = \text{Quantity UOM} \times \text{Unit Price} \\
 & = 5 \times \$ 234.00 \\
 & = \$ 1,170.00
 \end{aligned}$$

10.7.3 Pajak Sewa jangka Pendek tidak melebihi tiga (3) bulan

Kadar pajak sewa satu (1) unit peralatan tersebut dalam tempoh satu tahun kewangan.

Contoh:

Pada 2 September 2014, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan menyediakan PO bagi menempah/memperoleh 5 unit *Standard Notebook* secara pajak sewa selama 35 hari. Sehubungan itu, ruang *Amount* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 490.00

$$\begin{aligned}
 & \text{Amount} \\
 & = \text{Quantity UOM} \times [(\text{Monthly Lease Charge} \times \text{No. Of Month}) + (\text{Daily lease Charge} \times \text{No. Of Days})] \\
 & = 5 \times [(\$ 78.00 \times 1 \text{ month}) + (\$ 4.00 \times 5 \text{ days})] \\
 & = 5 \times [\$ 78.00 + \$ 20.00] \\
 & = 5 \times \$ 98.00 \\
 & = \$ 490.00
 \end{aligned}$$

Contoh:

Pada 2 Oktober 2014, Pusat Kebangsaan E-Kerajaan menyediakan PO bagi menempah / memperoleh 1 unit *A4 Monochrome Laser Printer* secara pajak sewa selama 9 hari. Sehubungan itu, ruang *Amount* dalam PO hendaklah dilengkapkan dengan jumlah \$ 20.00

$$\begin{aligned}
 & \text{Amount} \\
 & = \text{Quantity UOM} \times [(\text{Monthly Lease Charge} \times \text{No. Of Week}) + (\text{Daily lease Charge} \times \text{No. Of Days})] \\
 & = 1 \times [(\$ 10.00 \times 1 \text{ week}) + (\$ 5.00 \times 2 \text{ days})] \\
 & = 1 \times (\$ 10.00 + \$ 10.00) \\
 & = 1 \times \$ 20.00 \\
 & = \$ 20.00
 \end{aligned}$$

- 10.8 Ruang **PO Line Comment** bagi pembelian pajak sewa hendaklah dilengkapkan dengan senarai pengguna bagi peralatan yang di tempah tersebut dan pekiraan bagi peruntukan yang diperlukan bagi membiayai tempahan berkenaan.

Contoh:

Pada 17 Julai 2014, Kementerian/Jabatan menyediakan PO bagi menempah/memperoleh 5 unit *Standard Notebook – HP Zbook 14 Mobile WS* secara pajak sewa. Sehubungan itu, ruang *PO Line Comment* hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

Tempahan ini adalah bagi pengguna seperti yang tersenarai di **Lampiran A** (disertakan).

The total leasing price for 5 units starting from 17 August 2014 until 16 February 2015 (end of FY)

= No. of unit x Monthly Lease Charge x No. Of Month

= 5 units x \$ 39.00 x 6 months

= \$ 1,170.00

Lampiran A		
SENARAI PENGGUNA BAGI PO BILANGAN SA23A-0000001234		
Bil	Nama Pengguna	Unit / Seksyen / Divisyen
1	Awang Khamis bin Haji Sabtu	Seksyen Perolehan, Divisyen Kewangan & Perolehan
2	Dayang Selasa binti Haji Khamis	Unit Audit & Legal
3	Awang Syawal bin Safar	Seksyen Pentadbiran, Divisyen Sumber Tenaga Manusia
4	Dayang Salbiah binti Annuar	Seksyen <i>Project Delivery</i> , Divisyen Projek Implementasi & Pembangunan
5	Dayang Ros binti Serudin	Seksyen Korporat Komunikasi, Divisyen Sumber Tenaga Manusia

- 10.9 **PO Header Comments** hendaklah dilengkapkan dengan keterangan surat kebenaran LTN, perolehan, terma pembayaran, nama dan nombor telefon pegawai yang di hubungi ("contact person") seperti berikut:

10.9.1 **Pembelian Secara Langsung**

Contoh:

Kementerian/Jabatan hendak menempah 5 unit A4 Multi-Function Inkjet Printer. Sehubungan itu, ruang *PO Header Comments* hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

Rujuk Kontrak Induk bilangan EGNC /PM/4.1/1.2013
Rujukan Surat Kebenaran LTN bilangan: LTN/6/39/2013/2014[10] bertarikh 11 Februari 2014.

Pihak Syarikat hendaklah membekalkan satu (1) kotak iaitu lima (5) rim Kertas A4 dan satu (1) spare set toner / kartrij.

Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh inbois di terima.

Pegawai di hubungi: Awang Khamis bin Haji Sabtu
No. telefon: 2345678 ext.123

10.9.2 Pajak Sewa Tiga (3) / Lima (5) Tahun

10.9.2.1 Tahun Pertama

Contoh:

Pada 17 Julai 2014, Kementerian/Jabatan menyediakan PO bagi menempah/memperoleh 5 unit *Standard Notebook - HP Zbook 14 Mobile WS* secara pajak sewa. Sehubungan itu, ruang *PO Header Comments* hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

Rujuk Kontrak Induk bilangan EGNC/PM/4.1/1.2013
Rujukan Surat Kebenaran LTN bilangan: LTN/6/49/2013/2014[10]
bertarikh 12 April 2014.

Pajak sewa tiga (3) tahun setelah peralatan diterima mulai tarikh penghantaran. Tarikh Penghantaran dijangka: 21 Ogos 2014 (iaitu tidak lebih lima minggu dari tarikh PO dikeluarkan)

Pembayaran hendaklah di buat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh inbois di terima.

Pegawai di hubungi: Awang Khamis bin Haji Sabtu
No. Telefon: 2345678 ext. 123

Contoh:

Pada 5 Ogos 2014, Kementerian/Jabatan menyediakan PO bagi menempah/memperoleh 5 unit *A3 Monochrome Laser Printer - HP M712DN* secara pajak sewa. Sehubungan itu, ruang *PO Header Comments* hendaklah dilengkapkan seperti berikut:-

Rujuk Kontrak Induk bilangan EGNC/PM/4.1/1.2013
Rujukan Surat Kebenaran LTN bilangan: LTN/6/49/2013/2014[10]
bertarikh 12 April 2014.

Pajak sewa lima (5) tahun setelah peralatan diterima mulai tarikh penghantaran. Tarikh Penghantaran dijangka: 9 September 2014 (iaitu tidak lebih lima minggu dari tarikh PO dikeluarkan)

